

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 13 November 2024**

## KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### PERANGKAAN DEMOGRAFI MALAYSIA, SUKU TAHUN KETIGA 2024

---

#### KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK MENURUN KEPADA 1.6 PERATUS SEIRING DENGAN PENURUNAN BILANGAN KELAHIRAN 12.3 PERATUS PADA SUKU TAHUN KETIGA 2024

**PUTRAJAYA, 13 NOVEMBER 2024** - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan berkaitan Perangkaan Demografi yang memaparkan data kelahiran hidup, kematian dan penduduk bagi suku tahun ketiga 2024.

Mengulas laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Penduduk Malaysia pada suku tahun ketiga 2024 dianggarkan 34.1 juta berbanding suku tahun ketiga 2023 (33.6 juta) dengan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 1.6 peratus berbanding 2.1 peratus (ST3 2023). Pertumbuhan penduduk yang perlahan ini adalah seiring dengan penurunan bilangan kelahiran dalam tempoh yang sama. Jumlah penduduk terdiri daripada 30.7 juta (90.0%) Warganegara dan 3.4 juta (10.0%) Bukan Warganegara. Penduduk lelaki meningkat kepada 17.9 juta daripada 17.6 juta pada suku tahun ketiga 2023 dan penduduk wanita meningkat kepada 16.2 juta daripada 16.0 juta dalam tempoh yang sama. Nisbah jantina keseluruhan penduduk ialah 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan manakala nisbah jantina bagi Warganegara ialah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Penduduk umur muda (0-14 tahun) kekal tidak berubah pada 7.6 juta (22.2%). Sementara itu, komposisi penduduk umur bekerja (15-64 tahun) dan

penduduk tua (65 tahun dan lebih) masing-masing meningkat daripada 23.5 juta (70.0%) dan 2.5 juta (7.5%) kepada 23.9 juta (70.2%) dan 2.6 juta (7.7%) pada suku tahun ketiga 2024”.

Melayu menyumbang 58.1 peratus daripada jumlah penduduk pada suku tahun ketiga 2024 (ST3 2023: 57.9%). Penduduk etnik Cina dan India masing-masing menurun kepada 22.4 peratus dan 6.5 peratus berbanding 22.5 peratus dan 6.6 peratus, sementara Bumiputera Lain kekal tidak berubah iaitu 12.3 peratus pada tempoh yang sama. Bumiputera Lain terdiri daripada Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan Bumiputera Semenanjung Malaysia lain. Bumiputera Sabah menyumbang 56.6 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%) dan Bumiputera Sabah lain (36.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak (32.4%) terdiri daripada Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%) dan Bumiputera Sarawak lain (13.2%).

Beliau turut menyatakan, “Jumlah kelahiran hidup merekodkan penurunan sebanyak 12.3 peratus (100,645 kelahiran) berbanding 114,764 kelahiran pada suku tahun ketiga 2023. Bayi lelaki melebihi bayi perempuan dengan 51,815 kelahiran berbanding 48,830 kelahiran. Nisbah jantina bagi kelahiran hidup ialah 106 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 19,458 (19.3%) manakala kelahiran hidup terendah dicatatkan di Wilayah Persekutuan Labuan (327 kelahiran: 0.3%). Ibu berumur 30-39 tahun merekodkan kelahiran hidup tertinggi iaitu 50,670 (50.3%) pada suku tahun ini, diikuti oleh ibu berumur 20-29 tahun (42.6%), 40 tahun dan lebih (5.0%) dan kurang daripada 20 tahun (2.1%). Secara purata seorang bayi dilahirkan pada setiap minit, 46 bayi bagi setiap jam dan 1,094 bayi sehari pada suku tahun ketiga 2024”.

Melayu menyumbang 66.7 peratus (67,181 kelahiran hidup) daripada jumlah kelahiran hidup pada suku tahun ketiga 2024 (ST3 2023: 67.1%). Kelahiran hidup bagi etnik Cina dan Bumiputera Lain masing-masing meningkat kepada 10.4 peratus dan 13.0 peratus berbanding 9.7 peratus dan 12.8 peratus pada suku tahun ketiga 2023. Sementara itu, etnik India menurun kepada 3.8 peratus berbanding 4.4 peratus pada suku tahun ketiga 2023. Bumiputera Sabah menyumbang 58.5 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (34.2%), Bajau (30.7%),

Murut (6.6%) dan Bumiputera Sabah lain (28.5%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak (34.4%) terdiri daripada Iban (58.8%), Bidayuh (17.3%), Melanau (12.2%) dan Bumiputera Sarawak lain (11.7%).


Mengulas lanjut, sebanyak 48,317 kematian telah direkodkan pada suku tahun ketiga 2024, meningkat sebanyak 1.9 peratus berbanding suku tahun ketiga 2023 (47,438 kematian). Bilangan kematian bagi lelaki adalah 27,446 manakala 20,871 kematian bagi perempuan. Nisbah jantina bagi kematian ialah 132 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Pada tempoh masa yang sama, Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi iaitu 7,660 kematian (15.9%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan bilangan kematian terendah dengan 79 kematian (0.2%). Kumpulan umur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan tertinggi iaitu 33,995 kematian (70.4%), diikuti 41-59 tahun (20.0%), 15-40 tahun (7.5%) dan 0-14 tahun (2.2%). Secara purata, satu kematian direkodkan pada setiap dua minit, manakala 22 kematian direkodkan setiap jam dan 525 kematian sehari pada suku tahun ketiga 2024.

Pada suku tahun ketiga 2024, Melayu menyumbang 52.1 peratus (25,153 kematian) daripada jumlah kematian (ST3 2023: 51.2%). Kematian bagi etnik Cina kekal tidak berubah iaitu 26.4 peratus pada suku tahun ketiga 2024. Sementara itu, etnik India dan Bumiputera Lain masing-masing menurun kepada 8.3 peratus dan 10.5 peratus berbanding 8.4 peratus dan 11.1 peratus pada suku ketiga 2023. Bumiputera Sabah menyumbang 51.1 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (39.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.5%) dan Bumiputera Sabah lain (28.3%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak (42.3%) terdiri daripada Iban (62.9%), Bidayuh (15.7%), Melanau (10.4%) dan Bumiputera Sarawak lain (11.0%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Kelahiran hidup dan kematian (bilangan dan kadar) mengikut suku tahun, 2010-2024<sup>p</sup>, Malaysia




Jadual 1: Statistik Demografi bagi suku tahun ketiga, 2023 dan 2024, Malaysia

| Tahun           | Jumlah   |          | Lelaki   |          | Perempuan |          |
|-----------------|----------|----------|----------|----------|-----------|----------|
|                 | ST3 2023 | ST3 2024 | ST3 2023 | ST3 2024 | ST3 2023  | ST3 2024 |
| Penduduk (juta) | 33.6     | 34.1     | 17.6     | 17.9     | 16.0      | 16.2     |
| Kelahiran hidup | 114,764  | 100,645  | 59,683   | 51,815   | 55,081    | 48,830   |
| Kematian        | 47,438   | 48,317   | 27,044   | 27,446   | 20,394    | 20,871   |


Carta 2: Penduduk Warganegara mengikut kumpulan etnik, suku tahun ketiga 2023 dan 2024, Malaysia




Carta 3: Kelahiran hidup mengikut kumpulan etnik, suku tahun ketiga 2023 dan 2024, Malaysia



Carta 4: Kematian mengikut kumpulan etnik, suku tahun ketiga 2023 dan 2024, Malaysia



Carta 5: Transisi Demografi Malaysia, 1911-2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
13 NOVEMBER 2024**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, November 13<sup>th</sup> 2024**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## **DEMOGRAPHIC STATISTICS MALAYSIA, THIRD QUARTER 2024**

---

### **POPULATION GROWTH RATE DECLINED TO 1.6 PER CENT AS NUMBER OF BIRTHS DECREASED 12.3 PER CENT IN THIRD QUARTER 2024**

**PUTRAJAYA, 13<sup>th</sup> NOVEMBER 2024** - Department of Statistics, Malaysia has released the report on Demographic Statistics that presents statistics of live births, deaths and population in the third quarter 2024.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's total population in the third quarter 2024 was estimated at 34.1 million as compared to 33.6 million in the third quarter 2023 with a slower growth of 1.6 per cent as compared to 2.1 per cent (Q3 2023). Population growth rate declined as number of births decreased in the same period. The total population comprised 30.7 million (90.0%) Citizens and 3.4 million (10.0%) Non-citizens. Males population increased to 17.9 million from 17.6 million in the third quarter 2023 and females rose to 16.2 million from 16.0 million in the same period. The overall sex ratio of population was 111 males per 100 females while sex ratio for Citizens was 103 males per 100 females. Young age population (0-14 years old) remained unchanged at 7.6 million (22.2%). Meanwhile, the composition of working age population (15-64 years) and old population (65 years and over) increased from 23.5 million (70.0%) and 2.5 million (7.5%) to 23.9 million (70.2%) and 2.6 million (7.7%) in the third quarter 2024, respectively".

*Malay accounted 58.1 per cent of the population in the third quarter 2024 (Q3 2023: 57.9%). Chinese and Indians decreased at 22.4 per cent and 6.5 per cent, respectively as compared to 22.5 per cent and 6.6 per cent, while Other Bumiputera remained unchanged at 12.3 per cent in the same period. Other Bumiputera consists of Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak and other Bumiputera Peninsular Malaysia. Bumiputera Sabah contributed 56.6 per cent of Other Bumiputera which consist Kadazan/ Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%) and other Sabah Bumiputera (36.7%). Meanwhile, Bumiputera Sarawak (32.4%) comprised Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%) and other Sarawak Bumiputera (13.2%).*

*In addition, he also commented that, “The number of live births recorded a decrease of 12.3 per cent (100,645 births) as compared to 114,764 births in the third quarter 2023. Male babies outnumbered female babies with 51,815 births as compared to 48,830 births. Sex ratio of live births was 106 males per 100 females. Selangor recorded the highest live births of 19,458 (19.3%) while Wilayah Persekutuan Labuan recorded the lowest at 327 births (0.3%). Mothers aged 30-39 years recorded the highest live births of 50,670 (50.3%) in this quarter followed by mothers aged 20-29 years (42.6%), 40 years and over (5.0%) and less than 20 years (2.1%). On average, one baby was born per minute, 46 babies per hour and 1,094 babies per day in the third quarter 2024”.*

*Malay accounted 66.7 per cent (67,181 live births) of the total live births in the third quarter 2024 (Q3 2023: 67.1%). Live births for Chinese and Other Bumiputera increased to 10.4 per cent and 13.0 per cent, respectively as compared to 9.7 per cent and 12.8 per cent in the third quarter 2023. Meanwhile, Indians decreased to 3.8 per cent as compared to 4.4 per cent in the third quarter 2023. Bumiputera Sabah contributed 58.5 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (34.2%), Bajau (30.7%), Murut (6.6%) and other Sabah Bumiputera (28.5%). Meanwhile, Bumiputera Sarawak (34.4%) comprised Iban (58.8%), Bidayuh (17.3%), Melanau (12.2%) and other Sarawak Bumiputera (11.7%).*

*Commenting further, a total of 48,317 deaths were recorded in the third quarter 2024, increased 1.9 per cent as compared to the third quarter 2023 (47,438 deaths).*

*The number of deaths recorded for males were 27,446, while 20,871 deaths for females. Sex ratio of deaths was 132 males per 100 females. In the same period, Selangor recorded the highest number of deaths with 7,660 deaths (15.9%), while Wilayah Persekutuan Putrajaya recorded the lowest with 79 deaths (0.2%). Age group 60 years and over recorded the highest number of deaths at 33,995 deaths (70.4%), followed by 41-59 years (20.0%), 15-40 years (7.5%) and 0-14 years (2.2%). On average, one death was recorded in two minutes, 22 deaths per hour and 525 deaths per day in the third quarter 2024.*

*In the third quarter 2024, Malay registered 52.1 per cent (25,153 deaths) of total number of deaths (Q3 2023: 51.2%). Deaths for Chinese remained unchanged at 26.4 per cent in the third quarter 2024. Meanwhile, Indians and Other Bumiputera decreased to 8.3 per cent and 10.5 per cent, respectively as compared to 8.4 per cent and 11.1 per cent in the third quarter 2023. Bumiputera Sabah contributed 51.1 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (39.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.5%) and other Sabah Bumiputera (28.3%). Meanwhile, Bumiputera Sarawak (42.3%) comprised Iban (62.9%), Bidayuh (15.7%), Melanau (10.4%) and other Sarawak Bumiputera (11.0%).*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20<sup>th</sup>. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024.*

Chart 1: Live births and deaths (number and rate) by quarterly, 2010-2024<sup>p</sup>, Malaysia




Table 1: Demographic statistics for third quarter, 2023 and 2024, Malaysia

| Year                 | Total   |         | Male    |         | Female  |         |
|----------------------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
|                      | Q3 2023 | Q3 2024 | Q3 2023 | Q3 2024 | Q3 2023 | Q3 2024 |
| Population (million) | 33.6    | 34.1    | 17.6    | 17.9    | 16.0    | 16.2    |
| Live births          | 114,764 | 100,645 | 59,683  | 51,815  | 55,081  | 48,830  |
| Deaths               | 47,438  | 48,317  | 27,044  | 27,446  | 20,394  | 20,871  |

Chart 2: Citizens by ethnic group, third quarter 2023 and 2024, Malaysia




Chart 3: Live births by ethnic group, third quarter 2023 and 2024, Malaysia






Chart 4: Deaths by ethnic group, third quarter 2023 and 2024, Malaysia



*Chart 5: Demographic transition, Malaysia, 1911-2023*



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
13<sup>th</sup> NOVEMBER 2024**